

# Masalah Ibu Selepas Bersalin

Apakah langkah-langkah yang patut diambil sekiranya mengalami masalah ini?

- Dapatkan pemeriksaan dan keterangan lanjut dari klinik kesihatan atau hospital dengan segera
- Ikuti nasihat dan panduan yang diberikan oleh doktor dan jururawat



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

<http://fh.moh.gov.my>

[www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my)

KKM/25,000/2010





Kelahiran bayi adalah saat yang menggembirakan bagi pasangan suami dan isteri. Walau bagaimanapun, terdapat juga segelintir wanita yang mengalami masalah selepas bersalin.

## Apakah masalah selepas bersalin (postnatal)?

- Sakit di bahagian betis
- Tumpah darah
- Jangkitan kuman di perineum (kemaluan)
- Meroyan

Kenapa masalah ini meningkatkan risiko di kalangan ibu bersalin?



### Sakit di bahagian betis

- Disebabkan oleh darah beku yang tersumbat dalam saluran darah
- Darah beku ini boleh bergerak ke saluran darah di paru-paru yang mengakibatkan sesak nafas dan kematian

### Tumpah darah

- Disebabkan oleh rahim tidak menguncup dengan sempurna atau cebisan uri tertinggal dalam rahim ibu
  - Keadaan ini menyebabkan kehilangan darah yang banyak dan memerlukan rawatan segera di hospital
  - Ibu yang kerap hamil berisiko tinggi mengalami tumpah darah

### Jangkitan kuman di perineum (kemaluan)

- Luka episiotomi akan lambat sembuh
- Kuman boleh merebak ke bahagian pundi kencing
- Kuman boleh merebak melalui darah (septicaemia)

### Meroyan

- Dialami oleh sesetengah ibu selepas bersalin
- Merasa murung disebabkan oleh perubahan hormon
- Akan mengganggu penyusuan susu ibu dan emosi
- Ibu ini berisiko untuk mencederakan diri sendiri atau bayi

